

# PELUANG KERJAJAYA



**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**IJAZAH  
PENGURUSAN  
DAN  
PROFESIONAL**



**PEGAWAI  
TEKNOLOGI MAKLUMAT  
GRED F41**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)**

**Kekosongan : 133**

**Simpanan : 150**

## 1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
  - (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - (ii) ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - (iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



### 3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### 4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- Kejuruteraan (Kejuruteraan Rangkaian Komputer);
- Kejuruteraan (Sistem Rangkaian);
- Kejuruteraan Komputer;
- Kejuruteraan Komputer dan Maklumat;
- Kejuruteraan Perisian;
- Kejuruteraan Teknologi Maklumat;
- Kejuruteraan Teknologi Maklumat/ Sistem Maklumat;
- Keselamatan Sistem Komputer;
- Pengkomputeran Perniagaan;
- Sains Komputer;
- Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian);
- Sains Komputer (Kepintaran Buatan);
- Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat);
- Sains Komputer (Keselamatan Sistem Komputer);
- Sains Komputer (Komputeran Industri);
- Sains Komputer (Pembangunan Perisian);
- Sains Komputer (Pengkomputeran Netsentrik);
- Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data);
- Sains Komputer (Pengurusan Sistem dan Rangkaian);
- Sains Komputer (Perisian Grafik dan Multimedia);
- Sains Komputer (Rangkaian dan Keselamatan Komputer);
- Sains Komputer (Rangkaian Komputer);
- Sains Komputer (Sistem Cerdas);
- Sains Komputer (Sistem Maklumat);
- Sains Komputer (Teknologi Maklumat);
- Sains Komputer (Teknologi Web);
- Sains Komputer - Sains Komputan;
- Sistem dan Pengurusan Maklumat;
- Sistem dan Rangkaian Komputer;
- Sistem Komputer;
- Sistem Komputer dan Rangkaian;
- Sistem Multimedia;
- Teknologi Maklumat;
- Teknologi Maklumat (Kejuruteraan Perisian);
- Teknologi Maklumat (Kejuruteraan Sistem Pintar);
- Teknologi Maklumat (Keselamatan Maklumat);
- Teknologi Maklumat (Komputeran Industri);
- Teknologi Maklumat (Pengajian Multimedia);
- Teknologi Maklumat (Rangkaian);
- Teknologi Maklumat (Sains dan Pengurusan Sistem);
- Teknologi Maklumat (Sains Komputer);
- Teknologi Maklumat (Sains Maklumat);
- Teknologi Maklumat (Sistem Cerdas);
- Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat);
- Teknologi Maklumat (Sistem Pengurusan);
- Teknologi Maklumat (Teknologi Multimedia);
- Teknologi Maklumat - Sistem Komputer;
- Teknologi Maklumat dan Pengurusan; atau
- Teknologi Maklumat Komunikasi.



## 5. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

## 6. Maklumat Syarat Lantikan

**Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :**  
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-teknologi-maklumat-gred-f41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **4 Julai 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.**

**MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI**



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia\_gov



spa.malaysia



SPAJPM